

Q & A SESI TEMUBUAL PASCA PEMBENTANGAN
BELANJAWAN 2026 KPKM

- | | |
|----|---|
| 1. | <p>SOALAN:</p> <p>Belanjawan 2026 yang telah diumumkan memperuntukkan sebanyak RM6.87 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Bagaimana peruntukan ini dapat memperkukuh usaha memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, berdaya saing dan mampu milik untuk rakyat?</p> <p>JAWAPAN:</p> <p>Sebagaimana kita sedia maklum, Belanjawan 2026: Belanjawan Rakyat yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada Jumaat lepas merupakan belanjawan yang dirangka selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI untuk terus menyokong pemeraksanaan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan tadbir urus yang lebih baik.</p> <p>Bagi tahun 2026, secara keseluruhannya KPKM telah menerima peruntukan berjumlah RM6.87 bilion iaitu peningkatan peruntukan sebanyak 7% berbanding peruntukan RM6.42 bilion pada tahun 2025. Pertambahan peruntukan ini menunjukkan keprihatinan dan kesungguhan Kerajaan MADANI dalam memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara serta menggalakkan pengeluaran produk berasaskan pertanian yang bermutu tinggi melalui pelbagai inisiatif, program dan projek yang bakal dilaksanakan pada tahun 2026.</p> <p>Antara aspek yang diberikan penekanan dalam pembentangan Belanjawan 2026 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) RM300 juta bagi menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri untuk memanfaat penggunaan tanah bagi projek pertanian seperti yang telah diperuntukkan pada tahun 2025;(b) RM20 juta diperuntukkan kepada 6,400 pesawah untuk dibekalkan dengan baja foliar untuk nutrien padi dan bahan kesuburan tanah sawah bagi meningkatkan hasil tuaian;(c) RM55 juta disediakan bagi menyokong pengusaha buah-buahan tempatan, antaranya insentif tanaman dan prasarana ladang nanas |
|----|---|

	termasuk di Sarawak selain tanaman buah lain durian belanda, jambu air dan limau besar; (d) RM20 juta disediakan supaya nelayan menaik taraf vesel bagi mengurangkan kebergantungan tekong dan kru asing serta menggantikan pukut tunda Zon B dan pukat kenka dua bot bagi mengurangkan vesel tidak lestari.
2.	SOALAN: Tentunya ramai yang tertanya-tanya, bagaimana Belanjawan 2026 memberi manfaat langsung kepada golongan sasar seperti pesawah dan nelayan? Adakah subsidi atau insentif yang diterima akan diteruskan? JAWAPAN: (a) Secara keseluruhan, setiap pesawah dianggarkan menerima insentif sebanyak RM4,300 per hektar/musim pada tahun 2026 berbanding RM3,790 per hektar/musim sebelum ini. (b) Sebanyak RM2.62 bilion disediakan untuk pelbagai subsidi dan insentif kepada pesawah seperti subsidi harga padi, subsidi tanaman padi, subsidi baja, subsidi benih, dan insentif pengeluaran padi; (c) Pesawah akan terus menikmati insentif antaranya: i. Insentif pembajakan dinaikkan dari RM100 per hektar/musim kepada RM160 per hektar/musim; ii. Insentif racun dinaikkan dari RM200 per hektar/musim kepada RM300 per hektar/musim; iii. Insentif Penuaian Padi sebanyak RM50 per hektar/musim bagi menampung peningkatan kos berikutan penyasaran semula subsidi diesel.

	(d) Bagi nelayan pula: i. Insentif hasil tangkapan sebanyak RM160 juta; ii. Elaun sara hidup nelayan sehingga RM300 sebulan; iii. Diesel bersubsidi kekal dinikmati oleh nelayan pada harga RM1.65 seliter; dan iv. 380 rumah nelayan akan dibaik pulih atau dibina baharu; v. RM20 juta juga turut disediakan agar nelayan dapat menaik taraf vesel bagi mengurangkan kebergantungan tekong dan kru asing serta menggantikan pukut tunda Zon B dan pukut kenka dua bot bagi mengurangkan vesel tidak lestari.
3.	SOALAN: Adakah Belanjawan 2026 memperuntukkan dana khusus untuk memperkasakan penggunaan teknologi dan pemodenan sektor pertanian? JAWAPAN: Antara dana khusus untuk memperkasakan penggunaan teknologi dan pemodenan dalam sektor pertanian sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2026 adalah: (a) Pembiayaan berjumlah RM1.1 bilion disediakan oleh Agrobank untuk usahawan mengembangkan perniagaan serta menyokong automasi dan mekanisasi dalam projek pertanian; (b) Galakan cukai automasi sektor pertanian bagi penanaman, penternakan, apikultur, akuakultur dan perikanan laut dalam turut diperluas kepada penternakan haiwan terpilih secara sistem reban tertutup bagi menggalakkan automasi untuk menambah produktiviti pertanian; dan

	(c) Dana RM100 juta diperuntukkan bagi pemulihan tanah sawah bermasalah, penambahbaikan prasarana termasuk mengguna pakai model sawah berteknologi moden.
4.	SOALAN: Adakah Belanjawan 2026 turut menyediakan inisiatif khusus untuk menarik minat golongan muda menyertai sektor agromakanan? JAWAPAN: Dana sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk Program Agropreneur NextGen KPKM bagi geran permulaan dan geran pengembangan projek pertanian di mana Kerajaan akan menawarkan geran dan insentif untuk menyokong usahawan belia dan meningkatkan penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian dan agromakanan. Usahawan berpeluang memohon Geran Start-Up dengan had maksimum sehingga RM30,000 (bantuan permulaan projek) dan Geran Scale-Up dengan had maksimum sehingga RM50,000 (bantuan dengan pengaplikasian mekanisasi/ automasi/ agroteknologi untuk pengembangan projek).
5.	SOALAN: Apakah projek atau pelaburan infrastruktur utama yang akan dilaksanakan bagi menyokong aktiviti pertanian? JAWAPAN: Projek infrastruktur utama tertumpu kepada pengairan, terutamanya untuk menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun iaitu: (a) Sistem Pengairan Tersier Fasa 1 di kawasan MADA Kedah dan Perlis akan diteruskan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga suku tahun kedua 2030; dan (b) Projek Pemindahan Air Jeniang dengan kos RM1.28 bilion akan mula dilaksanakan pada tahun 2026.

6.	SOALAN: Apakah sasaran atau hasil yang diharapkan daripada peruntukan ini dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat? JAWAPAN: Sumbangan Nilai Ditambah (<i>Value Added</i>) sektor agromakanan kepada KDNK negara disasarkan kepada 3.2% atau RM56.5 bilion berbanding sasaran tahun 2025 iaitu 3.5% atau RM57.8 bilion.
7.	SOALAN: Akhir sekali, apakah mesej utama yang ingin disampaikan kepada rakyat berhubung komitmen Kerajaan dalam memastikan keterjaminan makanan negara melalui Belanjawan 2026 ini? JAWAPAN: Kerajaan komited dalam memastikan keterjaminan makanan dan kesejahteraan golongan sasar sentiasa diberikan keutamaan. Belanjawan MADANI Keempat dengan tema "Belanjawan 2026: Belanjawan Rakyat", membuktikan peruntukan yang saksama dan bersasar, meliputi pelbagai aspek di setiap rantai nilai sektor pertanian daripada pengeluaran sehinggalah kepada pelaburan dalam pemodenan jangka panjang. Rakyat perlu yakin bahawa Kerajaan akan terus berusaha memastikan bekalan makanan negara sentiasa cukup dan terjamin.